

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU**  
**KAWASAN : SARIKEI**  
**TARIKH : 23 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 52**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pembinaan Lebuhraya Pan Borneo mengikut yang telah dijadualkan. Adakah Jabatan Kerja Raya Sarawak mengendalikan keseluruhan projek ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak kini sedang dilaksanakan secara konvensional dengan kerjasama JKR Sarawak susulan daripada penamatan Perjanjian Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner Agreement – PDPA*). Sehingga bulan Jun 2020, status kemajuan terkini adalah 49% bagi Fasa 1 projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek, penambahbaikan berterusan sedang dilaksanakan khususnya peningkatan kapasiti dan kepakaran teknikal sedia ada. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah perlu bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sebagai pemangkin pembangunan sektor sosio-ekonomi, perindustrian serta pelaburan di sepanjang jajaran projek tersebut.

Sekian, terima kasih.